<table>
<tr>
<td>14.</td>
<td>Tawar 21 unit Rumah Selangorku<br>(Edisi 6 – 12 Jun 2024)</td>
<td><br>UTAMA 4<br>selangorkini 6 - 12 Jun 2024<br><br>Pantau proses alih al-Quran<br><br>SHAH ALAM - Operasi perobohan penempatan setinggan di Kampung Sri Makmur, Gombak dipantau pegawai bertugas dan dilaksanakan mengikut tatacara operasi piawai (SOP).<br>Menurut Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, naskhah al-Quran dan bahan yang mengandungi ayat suci pula dialih ke tempat selamat oleh penguat kuasa sebelum operasi.<br>Katanya, tindakan itu bagi mengelak kerugian kepada pemilik selain memelihara kehormatan kitab suci al-Quran.<br>"Anggota penguat kuasa yang bertugas sentiasa mengikut SOP kerja dan dipantau oleh pegawai bertugas untuk memastikan keseluruhan struktur terlibat termasuk surau dikosongkan sepenuhnya.<br>"Pihak pemaju juga telah melantik pekerja-pekerja yang memakai ves keselamatan untuk membantu memindahkan baki barangan di dalam struktur terlibat," menurut kenyataan.<br>Jelas pejabat itu, tindakan perobohan pada 27 hingga 28 Mei dilaksanakan mengikut perintah Mahkamah Tinggi Shah Alam yang dikeluarkan pada 14 Mei 2024.<br><br>Banci setinggan asal dua kali sejak 2006<br><br>SHAH ALAM - Bancian pada 2006 dan 2016 asas penawaran Rumah Selangorku kepada 21 keluarga setinggan asal Kampung Sri Makmur, Gombak, kata setiausaha politik kepada Dato' Menteri Besar.<br>A Rahim Ahmad Kasdi menjelaskan mereka perlu menunjukkan bukti dokumen yang mereka menetap di kawasan berkenaan sebelum 2006 selain terlibat dalam kedua-dua proses bancian itu.<br>Beliau menambah bancian pada 2006 dijalankan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bersama Pejabat Daerah dan Tanah Gombak bagi menawarkan rumah kos rendah di Selayang Mulia.<br>"Sebahagian besar penduduk menerima tawaran Kerajaan Negeri berpindah ke rumah ditawar manakala selebihnya menolak tawaran dan memohon pampasan," katanya dalam kenyataan pada 2 Jun.<br>A Rahim memberitahu MPS meroboh unit rumah kosong pada Julai 2016 dan membuat bancian pada 2016 bagi mengenal pasti penduduk asal yang mendudukі kawasan berkenaan sejak 2006.<br><br>1000 Digital tingkat ilmu usahawan<br><br>SHAH ALAM - Program Selangor 1000 Digital diperkenal bagi memperluas transformasi digital dalam kalangan usahawan tempatan, kata EXCO Keusahawanan Najwan Halimi.<br>Beliau juga menjelaskan program tersebut yang dijayakan dengan kerjasama agensi kerajaan akan ke lima lokasi mulai Petaling diikuti Sabak Bernam, Sepang, Hulu Langat dan Gombak.<br>Katanya, ia antaranya Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec), Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan Platform Selangor.<br>Najwan percaya program mengandungi 10 topik latihan termasuk pengurusan perniagaan secara digital dan teknik penciptaan kandungan menarik berupaya meningkatkan keupayaan usahawan.<br>"Kita anjurkan program ini untuk memberi pendedahan kepada usahawan di bandar dan luar bandar berkaitan tranformasi pendigitalan supaya dapat menjana pendapatan dan perkhidmatan mereka.<br>"Kita sasar penglibatan 1,000 usahawan e-dagang termasuk syarikat penstriman langsung di seluruh Selangor," katanya selepas pelancaran program tersebut pada 30 Mei.<br><br>Bantu setinggan Kampung Sri Makmur<br>Tawar 21 unit Rumah Selangorku<br><br>Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR<br><br>SHAH ALAM - Seramai 21 keluarga setinggan asal Kampung Sri Makmur, Gombak ditawar rumah mampu milik pada harga subsidi RM65,000, kata setiausaha politik kepada Dato' Menteri Besar.<br>Menjelaskan Rumah Selangorku Seri Temenggung itu berkeluasan 750 kaki persegi, A Rahim Ahmad Kasdi memberitahu penduduk berkenaan juga menerima bayaran kos pemindahan rumah RM1,000.<br>Katanya, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor mengeluarkan surat tawaran pada 21 Mei kepada penerima yang disahkan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak hasil bancian 2006 dan 2016.<br>"Penyelesaian yang dicapai bukti Kerajaan Negeri melaksanakan proses dengan cermat supaya sekurang-kurangnya penduduk setinggan asal Kampung Sri Makmur mempunyai hak kepada rumah yang dimiliki sendiri," katanya dalam kenyataan pada 2 Jun.<br>A Rahim juga mendedahkan isu kampung berkenaan gagal ditangani pentadbiran negeri sebelum ini yang diketuai Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan dibantu Hilman Idham selaku pegawai khasnya.<br>Katanya, penduduk dibiar dalam keadaan tidak tentu ekoran penyelesaian gagal dicari pada 2016 sebaliknya Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari merancang untuk membangunkan kawasan itu.<br>Beliau berkata Amirudin yang memimpin mulai 2018 memutuskan supaya tanah tersebut dibangunkan secara tersusun, justeru Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menjualnya pada 2020.<br>"Pada masa sama, Kerajaan Negeri berikhtiar penduduk asal setinggan Kampung Sri Makmur menikmati peluang memiliki rumah sendiri selepas menetap dalam keadaan setinggan untuk tempoh lama," katanya.<br><br>Sudah beri cukup masa berpindah<br><br>SHAH ALAM - Penduduk Kampung Sri Makmur, Gombak diberi tempoh secukupnya untuk berpindah yang menjangkau masa hingga 18 tahun, kata anak bekas ketua kampung tersebut.<br>Menolak dakwaan kononnya Kerajaan Selangor zalim mengusir penduduk dalam notis singkat, Khairul Ariffin Abd Manaf, 24, memberitahu makluman untuk berpindah sejak 2006 lagi.<br>"Ini bukan seperti yang dicanang, Jumaat dapat duit (pampasan), Ahad rumah kena roboh. Seolah-olah menunjukkan Kerajaan Negeri zalim dan tidak memberi masa kepada penduduk.<br>"Sedangkan Kerajaan Selangor sudah memberi masa dari tahun 2006 hingga 2024. Sudah 18 tahun, takkan tempoh selama itu tidak sempat untuk berkemas?<br>"Inilah fakta yang saya rasa dimanipulasi dan saya patut ke depan untuk betulkan semua ini," katanya yang turut menunjukkan dokumen Majlis Perbandaran Selayang bertarikh 13 Jun 2006.<br>Khairul Ariffin percaya masalah berkenaan tidak menjadi serumit sekarang jika penduduk asal bersetuju menerima pampasan dan meninggalkan setinggan tersebut dari awal.<br>"Ketika notis pertama dikeluarkan (2006), kami terus bersetuju untuk terima pampasan, tidak panjangkan lagi cerita dan ikut arahan Kerajaan Negeri ketika itu.<br>"Semua ini tidak terjadi jika semua bersetuju terima pampasan pada 2006. Bukan mahu salahkan mana-mana pihak tapi sepatutnya tapak ini dikosongkan sebelum 2024," katanya pada 5 Jun.</td>
</tr>
<tr>
<td>15.</td>
<td>Tawar 3,000 unit rumah Smart Sewa<br>(Edisi 13 – 19 Jun 2024)</td>
<td><br>3 UTAMA<br>selangorkini 13 - 19 Jun 2024<br><br>LUNCUR... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) bersama EXCO Keusahawanan Najwan Halimi (dua, kanan), Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Saipolyazan M Yusop (dua, kiri), Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Hijrah Selangor Dato' Mearia Hamzah (kiri) dan Ketua Tanggungjawab Sosial dan Komunikasi Korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor memegang plakad ketika melancarkan logo PLATS Biaya di bangunan pentadbiran negeri, Shah Alam pada 5 Jun. Foto AHMAD ZAKKI JILAN<br><br>Tapir Malaya ikon alam sekitar<br>Pelihara generasi hidupan liar<br><br>Oleh FITRI HAZIM HAZAM<br><br>HULU SELANGOR - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor berkenan melancarkan Ikon Alam Sekitar Negeri iaitu Tapir Malaya di Pusat Konservasi Tapir Sungai Dusun di sini.<br>Tengku Amir Shah juga berkenan menyempurnakan perasmian pada 8 Jun selain menanam pokok Rambutan Pacat, melepas Burung Kuang Raya dan melawat kandang haiwan ikon tersebut.<br>Menurut EXCO alam sekitar, pemilihan Tapir Malaya yang dilahirkan di situ pada 12 Februari dan dinamai Bumi menjadi simbolik generasi hidupan liar yang dilindungi dan disayangi.<br>"Bumi anak tapir pertama lahir pada tahun ini. Bumi akan menjadi wajah utama dalam kempen, program dan siri pendidikan berkaitan kesedaran alam sekitar," kata Jamaliah Jamaluddin.<br>Pelancaran tersebut dihadiri Orang Kaya Maha Bijaya Hulu Selangor Raja Dato' Muzaffar Raja Redzwa, EXCO Pelancongan Dato' Ng Suee Lim dan wakil rakyat Kuala Kubu Baharu Pang Sock Tao.<br>Jamaliah menjelaskan tapir memainkan peranan penting dalam ekosistem untuk memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat supaya berusaha memelihara spesies haiwan tersebut dan alam sekitar.<br>"Ia spesies unik dan melambangkan kekayaan kepada sumber biodiversiti di negeri ini," katanya sambil menambah ada lapan tapir dijaga Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara di situ.<br><br>Larangan lepas ikan spesies asing<br><br>HULU LANGAT - Enakmen melarang pelepasan ikan asing bakal dikuat kuasa pada tahun ini sebagai langkah memulihara sungai dan spesies tempatan, kata EXCO Pertanian Ir Izham Hashim.<br>Beliau berkata undang-undang itu melibatkan pembuangan ikan antaranya jenis bandaraya, baung ekor merah dan keli afrika yang dikategori sebagai pemangsa sekali gus mengancam habitat.<br>Katanya, kajian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dua tahun lalu tebing untuk bertelur yang boleh menyebabkannya runtuh manakala sungai jadi cetek.<br>"Isu perlu diatasi segera bagi melindungi sumber protein negeri. Cadangan enakmen dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan berada dalam fasa akhir," katanya.<br>Beliau berucap ketika merasmikan program Pemuliharaan Sumber Perikanan Darat: Memburu Ikan Bersama Komuniti di Denai Sungai Kebangsaan berhampiran UKM pada 9 Jun.<br>ditangkap 116 pemburu mulai jam 7 hingga 11 pagi dalam program tersebut.<br>Ir Izham memberitahu pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Perikanan termasuk menyalur insentif kepada pihak yang menangkap ikan asing bagi membantu usaha menjaga populasi ikan lain.<br>"Ikan yang ditangkap diproses menjadi makanan ikan lain. Jadi, kita juga akan sumbang mesin untuk kerja pemprosesan," katanya yang melepas 10,000 benih ikan lampam ke sungai<br><br>Saran KPKT sedia dana, geran senggara<br><br>SHAH ALAM - Badan pengurusan bersama (JMB) dan perbadanan bersama (MC) kediaman strata perlu diberi dana atau geran tinggi supaya mampu menyelenggara kemudahan asas penduduk.<br>EXCO Perumahan Borhan Aman Shah berkata menerusi langkah itu, keperluan penduduk antaranya lif, sistem saliran serta infrastruktur lain dapat berfungsi lebih baik di samping menyediakan latihan berkata kepada pentadbir bangunan.<br>"Ini antara cadangan yang kita kemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) supaya mereka dapat meneliti semula Akta 757 dengan mengambil kira isu kebajikan ahli JMB, MC.<br>"Kajian semula ini penting untuk memastikan undang-undang dan peraturan sedia ada terus relevan dan efektif dalam mengurus cabaran baharu," katanya pada 12 Jun.<br><br>Tawar 3,000 unit rumah Smart Sewa<br><br>SHAH ALAM - Lebih 3,000 unit Rumah Selangorku bawah Skim Smart Sewa akan disediakan bagi membantu pasangan muda yang baharu berkahwin menjelang 2026.<br>EXCO perumahan berkata inisiatif berkenaan merupakan strategi pentadbiran negeri bagi dalam memastikan rakyat negeri ini mampu memiliki kediaman sendiri.<br>"Menerusi skim ini, pasangan baharu mendirikan rumah tangga boleh menyewa selama lima tahan dengan harga berpatutan. Ini bantu mereka memulakan hidup baharu.<br>"Selepas tempoh itu, 30 peratus duit bayaran sewa mereka akan diguna sebagai deposit untuk belian Rumah Idaman atau Rumah Harapan," kata Borhan Aman Shah pada 12 Jun.<br><br>JKNS siasat punca keracunan makanan<br><br>SHAH ALAM - Bihun goreng dan telur mata yang dibekal pengendali luar disyaki punca keracunan makanan di sebuah sekolah agama di Gombak hingga mengakibatkan kematian dua pelajar.<br>Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) memberitahu sampel makanan telah dihantar ke Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan di Sungai Buloh bagi memastikan punca sebenar.<br>Dr Ummi Kalthom Shamsudin menjelaskan 247 individu terdedah kepada makanan itu tetapi hanya 82 orang mengalami gejala antaranya cirit-birit, sakit perut, demam, muntah dan loya.<br>Katanya, JKNS giat menyiasat bagi mengesan kes baharu kejadian yang berlaku dalam program Kemahiran Amal Islami peringkat daerah melibatkan 30 sekolah</td>
</tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 18. | i. Naik taraf tiga pangsapuri<br>ii. Tumpu 549 perumahan dapat geran<br><br>(Edisi 18 – 24 Julai 2024) |  |
| 19. | Pertanian jadi sumber pendapatan<br>(Edisi 25 – 31 Julai 2024) |  |

| | | |
|---|---|---|
| 20. | 200,000 rumah menjelang 2026 (Edisi 8 – 14 Ogos 2024) |  |
| 21. | 6,358 unit Rumah Idaman siap (Edisi 29 ogos – 4 september 2024) |  |

UTAMA 2

selangorkini 8 - 14 Ogos 2024

Tidak pinggir ekonomi rakyat

10,000 meriahi sambutan merdeka

Utamakan kerosakan serius

RM20 juta teruskan projek turap jalan

Sertai kursus senggara pesawat

200,000 rumah menjelang 2026

BENTONG - Selangor berada pada landasan tepat bagi menjayakan hasrat membina 200,000 unit rumah mampu milik menjelang 2026, kata EXCO Perumahan Borhan Aman Shah.

IMBAS DI SINI akhbar digital minggu lepas

Air percuma jimat RM100 juta

UTAMA 2

selangorkini 29 Ogos - 4 September 2024

6,358 unit Rumah Idaman siap

SHAH ALAM - Sebanyak 6,358 unit Rumah Idaman dijangka siap dan diserahkan kepada pembeli secara berperingkat mulai tahun depan, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Selangor tuan rumah SUKMA 2026

Pantau kumpulan ajaran sesat

Tertinggi di seluruh negara

2.7 juta penduduk labur ASNB

Bimbing anak muda celik kewangan

IMBAS DI SINI akhbar digital minggu lepas

3,800 manfaat Yayasan Raja Muda

| | | | |
|---|---|---|---|
| 32. | Rewang strata ke Selayang, Ampang<br>(Edisi 5 – 11 Disember 2024) |  | |

Tambahan RM50 juta tangani banjir 17

Bilangan mualaf naik 10 peratus sejak 2020 20

selangorkini

Cerpen, puisi & esei
HADIAH SASTERA SELANGOR 2024
terbit setiap Sabtu dan Ahad di portal selangorkini.my

## Menilai prestasi Kerajaan Madani

SHAH ALAM - Sempena dua tahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil akan mengulas prestasi kepemimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bual bicara tersebut menampilkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan Pengarah Eksekutif Ilham Centre Hisommudin Bakar. Ia dikendalikan Tokoh Wartawan Negara Tan Sri Johan Jaaffar.

Dalam program Sembang Malam anjuran Media Selangor beberapa isu hangat berkenaan politik dan ekonomi akan diperdebatkan.

Program selama sejam itu disiarkan di Facebook Media Selangor dan YouTube SelangorTV kira-kira 11 pagi 10 Disember.

## Rewang strata ke Selayang, Ampang

KUALA LANGAT - Program Rewang Komuniti Strata yang menjelajah ke beberapa daerah seluruh negeri akan diteruskan ke Selayang dan Ampang tahun depan, kata EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah.

Beliau berkata program yang menghidupkan tradisi penduduk untuk membentuk ikatan sosial mendapat sambutan menggalakkan termasuk permintaan daripada wakil rakyat.

"Biarpun peruntukan dipotong sedikit, saya yakin akan ada penambahan mengikut keperluan kerana ramai wakil rakyat minta program ini dianjurkan di kawasan mereka.

"Program ini diteruskan kerana dapat mendengar luahan rakyat yang tinggal di komuniti strata," katanya pada 30 November.

Belanjawan 2025 memperuntuk RM300,000 untuk meneruskan program tersebut dalam menyokong aktiviti komuniti di pangsapuri kos rendah dan projek perumahan rakyat.

JUARA... Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah (tiga, kiri) bersama pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Katholik Petaling Jaya yang menjuarai Pertandingan Akhir Debat Rakan Muda peringkat Selangor 2024 di Spacerubix, Subang Jaya pada 1 Disember. Hadir sama Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh bersama Timbalannya Adam Adli Abd Halim. Foto Facebook KBSMalaysia

Dialog Shah Alam 5 Disember

## Siaran langsung kupasan ekonomi

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

SHAH ALAM - Orang ramai boleh mengikuti siaran langsung Dialog Shah Alam di Facebook Media Selangor bermula jam 9 pagi pada 5 Disember.

Syarahan perdana itu disampaikan bekas Gabenor Bank Negara Malaysia YAD Tan Sri Muhammad Ibrahim di Universiti Selangor (Unisel) di sini.

Beliau dijadual mengupas topik bertajuk Transformasi Ekonomi Malaysia: Perspektif Terhadap Globalisasi dan Perkembangan Geopolitik dalam Perdagangan, Pekerjaan dan Pendidikan.

Selain Pro-Canselor Unisel dan Ahli Dewan Diraja Selangor itu, turut sama Setiausaha Politik Menteri Kewangan Muhammad Kamil Abdul Munim dan Profesor Kehormat Unisel Prof Dr Susela Devi.

Sebelum syarahan pada jam 11 pagi, Muhammad Kamil dan Dr Susela menjadi ahli panel dalam forum bertajuk Memperkasa Ekonomi Rakyat: Jalan Menuju Kesejahteraan Sosial jam 8 pagi.

Program 5 Disember itu anjuran Selangor Research Institute (SRI) dan Institut Darul Ehsan (IDE) terbuka kepada semua khususnya pemimpin, pembuat dasar, penjawat awam dan mahasiswa.

Dialog cetusan idea Dato' Seri Amirudin Shari itu kali kedua diadakan selepas pertama kali pada 2019 sebelum program berkenaan tertangguh berikutan pandemik Covid-19.

Pada tahun itu, bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapha Mohamed mengupas kepentingan peranan penjawat awam dan ahli politik dalam membawa kemajuan.

▶ WAWANCARA MUKA 9 & 10

pancawarna

### Cungkil bakat baharu sukan bola pikel
Sedia peruntukan riadah popular gabungan tiga permainan

### Cekap analisis data, kerja lancar
Perubahan interaksi dengan teknologi, buka pintu inovasi pelbagai sektor

### Aliran Islam lahir dari wacana agama
Pertembungan debat antara ulama terkenal, ambil masa ratusan tahun